

22 MAY 2003  
REAKSI-PAKEJ/I  
4As PUJI PAKEJ EKONOMI

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Persatuan Ejen-Ejen Iklan Bertauliah (4As) Malaysia memuji pakej ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan semalam terutamanya peruntukan RM1 bilion dalam kemudahan kredit mikro kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Dana bagi usahawan kecil itu tepat pada masa, bagaimanapun, bagaimana dana-dana ini akan digunakan adalah satu perkara yang sangat penting, kata presiden 4As, Khoo Boo Boon, dalam satu kenyataan, hari ini.

Selain perbelanjaan modal bagi syarikat baru dan keperluan perniagaan yang berterusan, IKS akan menimbang dengan serius bahagian-bahagian khas dana yang tersedia bagi aspek-aspek pembangunan, periklanan dan pemasaran jenama tempatan memandangkan persaingan sengit daripada jenama bertaraf dunia, katanya.

Beliau berkata peruntukan RM100 juta untuk memperkenalkan jenama Malaysia mencerminkan apa yang 4As mahu syarikat tempatan kuasai -- kempen periklanan dan pemasaran yang lebih baik untuk membina dan mempromosikan jenama Malaysia.

Sementara itu dalam satu kenyataan lain, pengerusi Tenaga Nasional Bhd Datuk Dr Awang Adek Husin, berkata syarikat utiliti tersebut akan berbincang dengan pemilik hotel mengenai mekanisma terbaik untuk menyediakan diskaun lima peratus bagi bil elektrik bulanan mereka.

Beliau berkata ini adalah untuk memastikan kelancaran pelaksanaannya. Di bawah pakej yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad semalam, pengusaha hotel akan menikmati diskaun lima peratus bagi bil elektrik mereka bermula 1 Jun, 2003 hingga 31 Dis, 2003.

Ketika ini terdapat 6,100 pengusaha hotel berlesen di Semenanjung Malaysia.

-- BERNAMA

MSL SD ZK